

USCIRF—RECOMMENDED FOR SPECIAL WATCH LIST

Suruhanjaya Antarabangsa A.S. mengenai Kebebasan Beragama (USCIRF) merupakan suruhanjaya bebas kerajaan persekutuan A.S. dwipartisan yang memantau hak kebebasan sejagat dalam kebebasan beragama atau kepercayaan di luar negara. Dicipta oleh Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa (IRFA) pada 1998, USCIRF, menggunakan standard antarabangsa dalam memantau pelanggaran kebebasan beragama atau kepercayaan di luar negara dan menyediakan cadangan dasar kepada presiden, setiausaha negara dan Kongres. USCIRF ialah entiti bebas yang berasingan dan berbeza daripada Jabatan Negara A.S. Laporan Tahunan 2021 mewakili kemuncak kerja setahun oleh Pesuruhjaya dan kakitangan profesional dalam mendokumentasikan penyalahgunaan di lapangan dan membuat cadangan dasar bebas kepada kerajaan A.S. Laporan Tahunan 2021 merangkumi tempoh dari Januari 2020 hingga Disember 2020, walaupun dalam beberapa kes peristiwa penting yang disebutkan berlaku sebelum atau selepas jangka masa ini. Maklumat lanjut berkenaan USCIRF boleh dilihat di laman web [di sini](#) atau hubungi USCIRF secara terus di 202-523-3240.

PENEMUAN UTAMA

Pada tahun 2020, keadaan kebebasan beragama bagi minoriti agama dan majoriti penganut agama Islam Sunni di Malaysia tetap sama seperti pada tahun 2019.

Kerajaan Malaysia mewajibkan majoriti penganut agama Islam Sunni untuk mematuhi tafsiran Islam yang ketat dan dipersetujui oleh kerajaan serta mengawal urusan dalaman umat Islam, meninggalkan hanya sedikit kebebasan untuk mereka melakukan amalan mengikut suara hati mereka. Gabungan keetnikan Melayu dan agama Islam terus mencabuli hak asasi individu Melayu. Selain itu, mahkamah Syariah dari sudut sejarah pernah mengisytiharkan beberapa kumpulan Islam minoriti sebagai bukan Islam. Ini terus mewujudkan ketidaktentuan bagi orang Melayu yang berpegang pada aliran Islam yang dikatakan “terpesong” dari Islam. Sebagai contoh, [kes mahkamah](#) yang sedang berjalan untuk menentukan sama ada penganut agama Islam Ahmadiyah boleh dianggap sebagai penganut agama Islam yang sah masih tidak diselesaikan setelah diserahkan kepada Mahkamah Tinggi pada bulan Ogos.

Pada bulan Februari, gabungan Pakatan Harapan pluralis yang berusia dua tahun telah jatuh dan digantikan oleh gabungan Perikatan Nasional (PN). Gabungan PN menyatukan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), sebuah parti politik yang berusaha untuk menggabungkan hukuman *hudud* ke dalam sistem Syariah di peringkat negeri. Dalam pertemuan mesyuarat gabungan pada bulan November, Perdana Menteri Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa gabungan PN akan memerangi sekularisme dan liberalisme serta menegaskan bahawa kerajaannya tidak akan menyerah terhadap perkara-perkara yang mencabar sistem Syariah. Peralihan kuasa telah [mendorong](#) peningkatan gangguan kehakiman daripada polis terhadap aktivis hak asasi manusia.

Penekanan sistematik Malaysia terhadap identiti penganut agama Islam Sunni terus memberi tekanan tersendiri kepada masyarakat bukan Islam. Pada 1 Disember, negeri Kedah yang terletak di barat laut semenanjung Malaysia telah merobohkan sebuah kuil Hindu di atas tanah yang kononnya tidak dibenarkan untuk dibina bangunan. Perobohan ini seiring dengan kecenderungan dalam

beberapa tahun kebelakangan ini untuk pihak berkuasa memerintahkan pemusnahan ratusan kuil Hindu. Para pegawai dengan tidak jujur menjadikan masalah penggunaan tanah sebagai alasan untuk mengelak daripada dikatakan bahawa aktiviti pemusnahan itu bermotifkan agama. Masyarakat bukan Islam tetap dilarang menggunakan perkataan-perkataan Arab yang menurut pihak berkuasa eksklusif untuk Islam, seperti perkataan “Allah”. Sekatan tersebut memberi kesan kepada keupayaan orang-orang Kristian dan yang lain untuk mengimport, mencetak dan mengedarkan bahan keagamaan seperti Injil. Walau bagaimanapun, mahkamah tinggi Malaysia telah menetapkan tarikh pada tahun 2021 untuk mendengar kes tersebut - pertama kali dibangkitkan pada tahun 2008 - mengenai hak masyarakat Kristian asli untuk menggunakan perkataan tersebut.

Masyarakat bukan Islam juga dilarang berdakwah kepada orang Islam. Semua pertukaran agama, termasuk antara agama bukan Islam, menghadapi sekatan yang serius. Beberapa orang yang memeluk agama baru telah [memenangi hak](#) untuk menggunakan identiti agama baru mereka secara terbuka, hanya setelah isu tersebut dibawa ke Mahkamah Tinggi. Kerajaan persekutuan Malaysia menganggap ateisme sebagai tidak berperlembagaan, dan mereka yang berbangsa Melayu dan dikenal pasti tidak beragama berisiko untuk didakwa atas kesalahan jenayah kerana murtad. Kekufuran ialah [jenayah](#) di peringkat persekutuan dalam Kanun Keseksaan sekular Malaysia, dan penjenayah murtad di sekurang-kurangnya lima buah negeri telah dikenakan denda, penjara dan/atau penahanan di pusat “pemulihan”.

Pasukan petugas khas yang ditubuhkan pada bulan Jun 2019 untuk menyiasat kehilangan lima individu, termasuk Pastor Raymond Koh dan muallaf agama Islam Syiah Amri Che Mat, terus melambat-lambatkan pembentangan penemuan mereka sepanjang tahun 2020. Pada bulan November, Pesuruhjaya James Carr telah menerima [Pastor Koh](#) melalui Projek Kesedaran Tahanan Agama USCIRF.

Semasa pandemik virus korona, sikap masyarakat dan pegawai semakin keras terhadap pendatang, termasuk pelarian Rohingya. Pada bulan Mei dan Jun, para pegawai telah melarang pelarian

dan pendatang dari menggunakan masjid apabila mereka membuka semula masjid berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan untuk menghentikan penyebaran virus. Selain itu, rumah ibadat bukan Islam, termasuk kuil Hindu dan gereja

Kristian, tidak diberi keutamaan untuk dibuka semula dan [diberikan](#) masa pembukaan semula yang berbeza daripada masjid.

CADANGAN KEPADA KERAJAAN A.S.

- Memasukkan Malaysia ke dalam Senarai Perhatian Khas Jabatan Negara A.S. kerana terlibat dalam atau bertoleransi dengan pelanggaran yang serius ke atas kebebasan beragama menurut Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa (IRFA);
- Membiayai dan melaksanakan latihan tentang kepolisan berasaskan komuniti antara Jabatan Keadilan A.S. dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dengan rakan sejawat mereka di Malaysia untuk menggalakkan penambahbaikan dalam interaksi dengan komuniti kepercayaan dan melindungi rumah ibadat dan tapak keagamaan lain;
- Mendesak kerajaan Malaysia untuk memansuhkan undang-undang peringkat persekutuan dan negeri terhadap jenayah kekufuran dan murtad, menghapuskan hubungan perlembagaan antara identiti keetnikan Melayu dan Islam, dan membentangkan hasil dapatan pasukan petugas khas yang menyiasat penghilangan paksa seperti kes kehilangan Pastor Koh;
- Bekerjasama dengan Malaysia dan rakan serantau untuk memastikan keselamatan pendatang dan pelarian, termasuk mereka yang melarikan diri dari konflik etnik dan agama, dengan memudahkan akses bagi Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) melawat kem pelarian dan pendatang serta menyumbang kepada Dana Amanah untuk Usaha Bantuan Kemanusiaan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

SUMBER & AKTIVITI UTAMA USCIRF

- Penerimaan [Projek Kesedaran Tahanan Agama: Pastor Koh](#)
- Editorial: Pelarian yang Melepaskan Diri daripada Penindasan Agama Tidak Dialu-alukan di Malaysia (dalam The Diplomat)
- *Helaihan fakta*: [Pelarian Rohingya di Asia Tenggara](#)

Latar Belakang

Malaysia merupakan sebuah masyarakat yang sangat plural. Kira-kira 61.3 peratus daripada populasinya dikenal pasti sebagai penganut agama Islam, majoriti besarnya ialah pengikut aliran Sunni yang ditaja oleh kerajaan. Penganut Buddha membentuk 19.8 peratus; 9.2 peratus ialah penganut Kristian; penganut Hindu 6.3 peratus; penganut Confucianisme, Taoisme dan agama Cina tradisional lain 1.3 peratus dan kira-kira 0.8 peratus tidak mengaitkan diri mereka dengan apa-apa kepercayaan. Walaupun Malaysia ditubuhkan sebagai sebuah negara sekular, Artikel 3 dalam perlembagaan 1957 meletakkan Islam—ditafsirkan sebagai Islam Sunni—sebagai agama rasmi persekutuan, sementara Artikel 160 menghubungkan identiti etnik Melayu dengan Islam. Pembentukan perlembagaan ini telah lama digunakan untuk memajukan dasar sosial—yang kebanyakannya merupakan diskriminasi terhadap agama yang dimandatkan secara sah—bertujuan memberikan kelebihan layanan terhadap bangsa etnik Melayu, termasuk dalam pendidikan dan pekerjaan, bagi mengimbangi jurang sejarah ekonomi.

Pengawasan oleh Kerajaan ke atas Amalan dan Identiti Agama

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di peringkat persekutuan menyediakan dana untuk masjid dan memberi kelulusan kepada butir-butir ucapan para imam. Pada bulan Januari, garis panduan dari JAKIM telah mendorong Kementerian Pendidikan untuk mengisytiharkan pesta menuai Pongal sebagai acara keagamaan Hindu, menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia tentang tindakan keras yang akan dikenakan sekiranya meraikan perayaan tersebut di sekolah-sekolah awam sama seperti halangan untuk merayakan perayaan Tahun Baru Cina. JAKIM memainkan peranan yang proaktif dalam mengawal agama, termasuk memantau penghinaan terhadap Islam dan Nabi Muhammad sebagai sebahagian daripada penguatkuasaan undang-undang kekufuran di negara ini. Mereka juga [mengatur dan](#) memantau pendakwah bebas Islam untuk memastikan mereka mengikuti tafsiran Islam yang diterima secara rasmi. Semua pelajar yang beragama Islam di sekolah awam semasa di Tingkatan 5 mesti mengikuti kursus yang merangkumi bahan yang dipersetujui di peringkat persekutuan yang mendakwa bahawa Islam Sunni sebagai “Islam yang unggul” dan satu-satunya bentuk Islam yang boleh diterima, manakala Islam Syiah dilabelkan sebagai “menyimpang.” Pada tahun 1996, Jawatankuasa Fatwa untuk Hal Ehwal Agama

mengeluarkan sebuah fatwa yang melarang sebarang gerakan dakwah, penyebaran dan pernyataan yang menyokong kepercayaan Islam Syiah; sekurang-kurangnya 11 daripada 13 buah negeri telah menerima pakai fatwa tersebut.

Pada masa yang sama, setiap negeri mempunyai tahap autonomi yang tinggi dalam mengawal selia amalan Islam. Dalam bulan Ogos, kerajaan negeri Kelantan yang dikuasai oleh PAS mula menyasiat tarian *Main Puteri* untuk menjadikannya “patuh syariah,” meneruskan [trend](#) di negeri-negeri yang lebih konservatif dalam mengharamkan amalan pribumi “bukan bersifat Islam” seperti tarian tradisional dan drama. JAKIM, bersama dengan kerajaan negeri dan wilayah persekutuan melalui kod Syariah masing-masing, sering menasaskan komuniti lesbian, gay, biseksual, transgender dan interseks (LGBTI); sebagai contoh, JAKIM telah menjalankan kem terapi penukaran (*Mukhayyam*) yang digambarkan sebagai program pekerjaan yang disasarkan untuk LGBTI Islam untuk membimbing mereka ke “jalan yang benar.” Pada bulan Ogos, aktivis hak minoriti Nicole Fong menulis ciapan terhadap usaha JAKIM untuk “menyembuhkan” komuniti LGBTI Islam, mendorong Ketua Pengarah Datuk Paimuzi Yahya untuk membuat laporan terhadap beliau. Pada bulan Julai, Zulkifli Muhamad Al-Bakri, menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), [mengarahkan](#) pihak berkuasa jabatannya untuk memaksa komuniti transgender wilayah persekutuan, termasuk Kuala Lumpur, untuk mengikuti program pendidikan agama.

Pengenalan agama pada kad pengenalan nasional, yang dikenali sebagai MyKad, terus menimbulkan kesukaran bagi komuniti agama minoriti. Hanya kad orang Islam sahaja yang jelas menunjukkan kepercayaan mereka dalam bentuk cetakan, sementara kad individu milik masyarakat lain memaparkan pegangan agama mereka dalam bentuk elektronik—perbezaan yang mudah dilihat dan menurut beberapa sumber tempatan telah [menyebabkan](#) diskriminasi dalam perkhidmatan kerajaan. Sebilangan rakyat Malaysia yang mengidentifikasikan diri mereka sebagai bukan Islam atau memeluk agama bukan Islam telah secara salah dilabelkan sebagai penganut agama Islam, ataupun dilarang untuk mengubah identiti agama pada MyKad mereka, sekali gus meletakkan mereka di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah. Dalam suatu perkembangan positif, Mahkamah Persekutuan telah [memutuskan](#) bahawa Rosiliza Ibrahim, yang dilahirkan daripada seorang ayah beragama Islam dan ibu beragama Buddha, diisytiharkan sebagai bukan Islam, selepas berjuang di mahkamah selama lima tahun untuk menukar pendaftarannya.

Sistem Mahkamah Dwi-perundangan

Malaysia mengekalkan sistem dua mahkamah yang bebas tetapi setara: sivil dan Syariah. Penganut agama Islam adalah tertakluk kepada undang-undang umum yang digubal oleh parlimen dan juga undang-undang agama yang digubal oleh kerajaan persekutuan atau badan perundangan negeri mereka tinggal.

Sistem dwi-perundangan ini membolehkan pelbagai tahap perlindungan di bawah undang-undang berdasarkan status agama individu. Sistem mahkamah Syariah nampaknya meletakkan beban yang tidak sama terhadap wanita, seperti yang [dibuktikan](#) secara jelas di mana wanita beragama Islam yang memilih untuk tidak memakai tudung sering menghadapi diskriminasi masyarakat tanpa bantuan undang-undang. Sebagai contoh, pada tahun 2020, Maryam Lee— yang menerbitkan buku pada tahun 2019 tentang pilihannya untuk berhenti memakai tudung—menerima ancaman bunuh yang [berterusan](#) dan menghadapi [siasatan](#) oleh pihak berkuasa agama mengenai keputusan beliau.. Umur sah berkahwin bagi kanak-kanak penganut agama Islam dan penganut agama bukan Islam adalah [berbeza](#) di setiap negeri, dengan umur yang lebih muda dan perlindungan yang lebih sedikit bagi kanak-kanak beragama Islam. Perkahwinan antara penganut agama Islam dan bukan Islam tetap menyalahi undang-undang melainkan jika pasangan yang bukan beragama Islam bertukar kepada agama Islam.

DASAR UTAMA A.S.

Malaysia dan Amerika Syarikat mengekalkan ikatan dua hala yang kukuh. Amerika Syarikat adalah [rakan dagang ketiga terbesar](#) Malaysia, dan kedua-dua negara berkongsi banyak program pertukaran pendidikan dan budaya. Program-program tersebut merangkumi Program Kepimpinan Pelawat Antarabangsa (IVLP), yang sejak tahun 2008 telah membawa pemimpin pendidikan Islam ke Amerika Syarikat untuk mengamati keadaan kebebasan beragama dan kepercayaan. Kedua-dua buah negara juga terus bekerjasama dalam usaha membanteras fahaman keganasan melalui pertukaran maklumat, program pembinaankapasiti untuk penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa kehakiman, dan bantuan untuk meningkatkan keselamatan imigresen dan kawalan sempadan.

Pada bulan Mac, Jabatan Negara [menganugerahkan](#) Anugerah Keberanian Wanita Antarabangsa kepada Susanna Liew, isteri kepada Pastor Koh, atas sokongan beliau bagi pihak suaminya dan individu lain yang telah hilang akibat tekanan kerajaan.